


TOPIK 3.2: SIMBOL-SIMBOL DALAM PETA

1. Pengenalan

- **Simbol peta** merupakan **lambang yang mewakili** ciri-ciri pandang darat fizikal dan ciri-ciri pandang darat budaya dalam peta lakar.
- Simbol terdiri daripada beberapa kategori iaitu **simbol titik**, **simbol garisan**, **simbol kawasan** dan **singkatan perkataan** seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.




Rajah 3.2.1: Simbol Peta

2. Jenis-jenis Simbol

- Jenis-jenis yang terdapat dalam peta lakar dilukis menggunakan simbol khas untuk mewakili ciri-ciri khusus bagi menunjukkan ciri-ciri fizikal dan ciri-ciri budaya yang terdapat di atas permukaan bumi.
- Simbol-simbol ini dilukis berdasarkan teknik kartografi dalam geografi.

2.1 Simbol Kawasan

- **Simbol kawasan** merupakan simbol yang **mewakili satu keluasan yang luas** di atas peta.
- Sebagai contoh, satu simbol pokok getah yang dilukis di atas peta akan mewakili satu keluasan tertentu. Satu simbol boleh jadi ia mewakili 100 meter persegi. Oleh itu, anda boleh dapat keluasan penanaman getah dengan mengira bilangan simbol getah di atas peta lakar.
- **Bilangan simbol kawasan** yang perlu dilukis di atas peta **ditentukan berdasarkan teknik kartografi** dalam geografi.
- Simbol kawasan adalah seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 3.2.2: Simbol mewakili kawasan yang luas.

2.2 Simbol Titik

- **Simbol titik** merupakan simbol yang mewakili satu ciri khusus yang terdapat di atas permukaan bumi dan satu simbol titik mewakili 1 unit.
- Sebagai contoh, jika terdapat 10 buah rumah di atas permukaan bumi. Maka apabila anda melukis di atas peta lakar. Anda perlu melukis 10 simbol titik bagi mewakili bilangan rumah di kawasan berkenaan.
- Contoh simbol titik adalah seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 3.2.3: Simbol Titik mewakili 1 unit ciri yang terdapat di atas permukaan bumi.

2.3 Simbol Garisan

- **Simbol garisan** merupakan simbol yang mewakili bagi bentuk ciri fizikal atau budaya yang berbentuk garisan memanjang.
- Sebagai contoh, ciri budaya seperti jalan raya, jalan kereta api dan sebagainya yang kelihatan memanjang seperti garisan. Panjang pendek garisan ini di atas peta ditentukan oleh skala peta.
- Contoh simbol garisan adalah seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 3.2.4: Simbol garisan mewakili ciri di atas peta yang berbentuk garisan.

2.4 Singkatan Perkataan

- **Singkatan perkataan** merupakan simbol yang mewakili ciri khusus menggunakan singkatan perkataan yang telah diterima secara umum untuk mewakili ciri-ciri tertentu.
- **Singkatan** yang digunakan sudah **menjelaskan ciri khusus** yang terdapat dalam peta lakar tanpa perlu melukis simbol.
- Singkatan perkataan adalah seperti dalam rajah di bawah.

P.P.	Pejabat Pos	Pt.	Parit
B.P.	Balai Polis	A.	Alur
Ldg.	Ladang	P.	Pulau
Disp.	Dispensari	Tk.	Teluk
R.R.	Rumah Rehat		
Hosp.	Hospital		
Sg.	Sungai		
Tg.	Tanjung		
K.	Kuala		
Sek.	Sekolah		
Kg.	Kampung		
T.A.	Tali Air		

Singkatan perkataan

Rajah 3.2.5: Singkatan perkataan mewakili ciri khusus di atas permukaan bumi.